

Aktiviti pertanian punca tanah runtuh

» *Pembangunan Tanah Tinggi Lojing perlu dipantau secara berkala*

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

■ Kota Bharu

Aktiviti pertanian di kawasan ketinggian melebihi 1,000 meter dari paras laut (mpl) dan di kecerunan melebihi 25 darjah, antara kelemahan dalam pembangunan Tanah Tinggi Lojing, Kelantan, yang menyumbang kepada kejadian hakisan dan tanah runtuh.

Laporan Ketua Audit Negara 2014, turut mendedahkan kelemahan lain iaitu pembangunan pertanian dilakukan tanpa kebenaran merancang, berlaku pencerobohan terhadap rizab sungai dan kawasan hu-



tan, syarat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) tidak dipatuhi.

Kelemahan lain, termasuk penggunaan racun makhluk perosak tidak mematuhi piawaian serta pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan.

Kelemahan itu dikesan berdasarkan pengauditan ke atas lima syarikat yang diberi pajakan di kawasan berkeluasan 1,689 hektar.

"Syarikat itu menjalankan aktiviti pertanian di kawasan melebihi 1,000 mpl dan berkecerunan 25 darjah, sekali gus menyumbang kepada kejadian tanah runtuh dan ha-

kisan tanah.

"Syarikat itu juga tidak memohon kebenaran merancang untuk mengusahakan aktiviti pertanian menyebabkan mereka melakukan pembukaan tanah tidak terkawal, pelupusan tanah daripada pemotongan cerun tidak diuruskan sempurna dan pembinaan cerun bertingkat serta jalan ladang tidak dibina mengikut spesifikasi.

Ceroboh hutan simpan

"Rizab sungai seperti Sungai Isos, Sungai Pelau'ur, Sungai Belatop dan Sungai Berok turut dijadikan kawasan penanaman sayur. Malah, berlaku pencerobohan hutan simpan seluas lima hektar," kata laporan itu.

Laporan itu juga menyebut pengauditan mendapati pencemaran sungai di Tanah Tinggi Lojing disebabkan pembukaan dan pembangunan gunatanah untuk pertanian dibuat tanpa kawalan menyebabkan hakisan dan perubahan kepada rejim hidrologi.

Bagi memastikan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing terkawal dan pelangga-

ran syarat tidak berterusan, laporan itu mencadangkan semua agensi, termasuk Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Daerah Gua Musang, Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing serta Jabatan Alam Sekitar melakukan pemantauan berkala.

"Tindakan tegas perlu diambil terhadap pengusaha ladang, termasuk merampas tanah yang diberi hak milik jika mengingkari syarat," kata laporan itu.

Tingkatt penguatkuasaan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perhutanan Kelantan, Zahari Ibrahim, berkata pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang mencero boh hutan simpan selain mempertingkatkan penguatkuasaan.

Beliau yakin pencerobohan hutan simpan dapat diatasi selepas pihaknya menempatkan seorang renjer dan tiga pengawas hutan di kawasan Lojing sejak awal tahun lalu.

Pada masa sama, Jabatan Perhutanan akan membersihkan semula kawasan itu sebelum membuat penanda secara jelas bahawa kawasan terabit adalah hutan simpan dan tidak boleh dicero boh.

"Syarikat yang mendalangi pencerobohan itu boleh disiasat mengikut Seksyen 81, Seksyen 47 dan Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara 1985 kerana mencero boh dan menduduki kawasan berkenaan tanpa permit," katanya.